

24 AUG 2000

Kadir-Khutbah

KHUTBAH KHAS KEMERDEKAAN PADA SOLAT JUMAAT ESOK

KUALA LUMPUR, 24 Ogos (Bernama) -- Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) sudah mengedarkan teks khas khutbah Jumaat mengenai kemerdekaan negara yang akan disampaikan di masjid-masjid di seluruh negara esok.

Menteri berkenaan Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir berkata khutbah itu tidak mengandungi unsur-unsur politik, teksnya cukup baik kerana hanya mengandungi perkara berkaitan dengan kemerdekaan dan meminta rakyat menghargai keamanan yang dinikmati selepas merdeka serta berdoa agar ianya berkekalan.

"Saya yakin semua imam-imam masjid di seluruh negara akan membaca khutbah itu," katanya pada sidang media di sini hari ini.

Beliau meminta semua jemaah solat Jumaat turut menyertai majlis tahlil dan doa selamat sempena sambutan kemerdekaan tahun ini.

"Selama sebulan sambutan bulan kemerdekaan ini, marilah kita mengetepikan segala perbezaan termasuk fahaman politik, sebaliknya kita kembali bersatu untuk menghayati perjuangan kemerdekaan," katanya.

Ketika ditanya mengenai maklumatbalas kerajaan PAS Kelantan dan Terengganu, Abdul Kadir berkata kedua-dua kerajaan negeri itu menyambut baik langkah berkenaan.

Malah katanya, usaha menyediakan khutbah khas itu dicadangkan oleh wakil Kerajaan Terengganu dan mendapat sokongan wakil Kerajaan Kelantan.

Beliau berkata semua agama lain juga bersetuju mengadakan majlis kesyukuran sempena kemerdekaan mengikut cara masing-masing.

Penganut agama Hindu akan mengadakan upacara keagamaan malam esok, Kristian dan Sikh pada Ahad dan Buddha pada Khamis.

Sementara itu beliau kecewa kerana masih ramai rakyat yang tidak memasang bendera Jalur Gemilang walaupun sambutan Bulan Kemerdekaan telah dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Khamis lepas.

"Kita harap semua rakyat akan memasang Jalur Gemilang kerana masih banyak masa untuk kita berbuat demikian," katanya.

-- BERNAMA

RZS AFY LAT